

Artikel

Pemeriksaan Pendidikan Golongan Dewasa di Sarawak, 1946 hingga 1970
(*Empowerment of Adult Education in Sarawak, 1946 to 1970*)

Julina Ottot, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Mardiana Nordin*

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

*Pengarang Koresponden: mardiana@um.edu.my

Diserah: 30 November 2025 / Diterima: 30 Januari 2026

Abstrak: Pendidikan penting dalam usaha meningkatkan tahap literasi dan kemahiran asas dalam kalangan masyarakat tempatan di Sarawak. Kajian ini meneliti usaha-usaha memperkasakan pendidikan golongan dewasa di Sarawak dalam tempoh pasca-Perang Dunia Kedua hingga tahun 1970. Dalam tempoh ini, perubahan signifikan berlaku dalam landskap sosial dan pentadbiran Sarawak terutamanya selepas peralihan kuasa pemerintahan kepada kolonial British pada tahun 1946. Pendidikan golongan dewasa dianggap sebagai mekanisme penting untuk mengatasi masalah buta huruf, memperkukuh pembangunan masyarakat dan memberikan peluang kedua kepada mereka yang terpinggir daripada sistem pendidikan formal. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen-dokumen seperti laporan tahunan dari Jabatan Pendidikan Sarawak dan bahan-bahan arkib berkaitan dengan program literasi dan kelas malam yang dijalankan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan kelas dewasa, kursus vokasional dan program literasi telah memberikan kesan positif terhadap peningkatan taraf hidup, peningkatan kesedaran sivik dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti kemasyarakatan. Sungguhpun, berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kekurangan guru dan infrastruktur pendidikan, tetapi usaha ini tetap menjadi asas penting dalam membina modal insan dan memperkuat jaringan sosial di Sarawak. Implikasi ini selaras dengan SDG 4 yang menekankan akses kepada pendidikan berkualiti sepanjang hayat, SDG 10 yang menyasarkan pengurangan ketidaksamarataan melalui peluasan peluang pembelajaran kepada golongan terpinggir serta SDG 8 yang menggariskan kepentingan peningkatan kemahiran bagi penyertaan ekonomi yang lebih produktif. Jelas bahawa pendidikan golongan dewasa bukan sekadar bersifat pembelajaran asas malah berperanan sebagai alat transformasi sosial dalam masyarakat kolonial dan pascakolonial.

Kata kunci: Mobiliti sosial; kelas malam; tenaga kerja; literasi; pembangunan sosial

Abstract: Education is important in efforts to enhance the level of literacy and basic skills among the local community in Sarawak. This study examines efforts to empower adult education in Sarawak from the post-World War II period until 1970. During this time, significant changes occurred in Sarawak's social and administrative landscape, particularly after the transfer of governance to British colonial rule in 1946. Adult education was regarded as a crucial mechanism to address the issue of illiteracy, strengthen community development, and provide a second chance for those who had been marginalized from the formal education system. This study employs a qualitative approach through the analysis of documents such as annual reports from the Sarawak Education Department and relevant archival materials related to literacy programs and night classes conducted by the government and non-governmental organizations (NGOs). The findings indicate that the implementation of adult classes, vocational courses, and literacy programs had a positive impact on improving living standards, raising civic awareness, and increasing community involvement in social activities. Although faced with various challenges, such as a shortage of teachers and educational

infrastructure, these efforts nonetheless formed an essential foundation for building human capital and strengthening social networks in Sarawak. These implications align with SDG 4, which emphasises access to quality lifelong education; SDG 10, which targets the reduction of inequalities through the expansion of learning opportunities for marginalised groups; and SDG 8, which underscores the importance of skills enhancement for more productive economic participation. It is evident that adult education not only served as a means of basic learning but also functioned as a tool for social transformation in both colonial and post-colonial society.

Keywords: Social mobility; night classes; workforce; literacy; social development

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti individu dan komuniti, khususnya dalam konteks masyarakat yang berdepan dengan cabaran sosioekonomi. Semasa era kolonial di Sarawak, usaha untuk memperkasa pendidikan golongan dewasa menjadi satu keutamaan, terutama dalam kalangan masyarakat tempatan yang majoritinya hidup di kawasan pedalaman dan kurang terdedah kepada pendidikan formal. Dalam tempoh ini, kerajaan kolonial dan misi Kristian menjadi pamacu utama dalam memperkenalkan pelbagai inisiatif pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan literasi, kemahiran asas, dan pengetahuan agama dalam kalangan golongan dewasa. Keperluan untuk mendidik golongan dewasa timbul daripada keadaan sosioekonomi masyarakat pada masa itu, yang dicirikan oleh kadar buta huruf yang tinggi, kekurangan akses kepada pendidikan formal, dan kebergantungan kepada aktiviti ekonomi tradisional.

Golongan dewasa dilihat sebagai kunci kepada pembangunan komuniti kerana mereka merupakan tulang belakang keluarga dan masyarakat. Melalui pelbagai program seperti kelas malam, latihan vokasional, dan pendidikan komuniti, usaha dilakukan untuk membekalkan golongan ini dengan kemahiran asas yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Pada masa yang sama, ia mengubah pemikiran mereka ke arah kemajuan. Namun begitu, usaha ini tidak bebas daripada cabaran. Kekurangan infrastruktur pendidikan, penolakan budaya terhadap nilai-nilai yang dibawa oleh pendidikan kolonial, dan jurang gender menjadi antara halangan utama dalam pelaksanaan program-program ini. Walaupun begitu, inisiatif pendidikan untuk golongan dewasa ini telah berjaya meletakkan asas penting dalam membentuk masyarakat yang lebih celik huruf, berdaya tahan, dan mampu menyumbang kepada pembangunan Sarawak.

Tempoh antara 1946 hingga 1970 menyaksikan permulaan pelbagai program pendidikan dewasa yang bertujuan untuk membasmi buta huruf, mempertingkatkan kemahiran asas, dan memperkukuh kesedaran sivik dalam kalangan orang dewasa yang tidak sempat mengikuti pendidikan formal semasa usia muda. Fasa tersebut merupakan fasa penting dalam sejarah Sarawak dalam menyaksikan usaha pemulihan selepas Perang Dunia Kedua serta peralihan pentadbiran British kepada pembentukan Malaysia. Inisiatif seperti kelas malam, kursus pertanian, dan latihan vokasional mula diperkenalkan oleh pihak British. Kemudian, usaha tersebut diteruskan oleh kerajaan Malaysia, dengan sokongan agensi seperti Jabatan Pendidikan dan Sarawak Council. Dalam konteks ini, pendidikan golongan dewasa berperanan sebagai instrumen pemerikasaan sosial khususnya bagi penduduk yang terpinggir di Sarawak.

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis usaha memperkasa pendidikan golongan dewasa di Sarawak semasa era kolonial dan pasca-Malaysia, dengan memberikan fokus kepada pelaksanaan program, cabaran yang dihadapi, dan impaknya terhadap masyarakat tempatan. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan pendidikan tidak formal sebagai alat untuk transformasi sosial, sekali gus menyumbang kepada naratif sejarah pembangunan Sarawak.

Perkembangan pendidikan di Sarawak

Kajian-kajian tentang sejarah pendidikan pernah dilakukan oleh beberapa sarjana seperti Sabihah Osman et al. (1990), Syed Idrus & Santhiram (1990) dan Ooi Keat Gin (2001) yang menekankan perkembangan pendidikan di Sarawak semasa era Brooke sehingga pascapembentukan Malaysia. Namun begitu, kajian-kajian ini tidak membincangkan secara khusus tentang pendidikan dewasa. Kajian oleh Porritt (1997) sempat

menyentuh aspek tersebut, tetapi tidak secara menyeluruh. Porritt (1997) hanya menumpukan kepelbagaian pendekatan dalam pendidikan dewasa untuk meningkatkan literasi penduduk di Sarawak. Sorotan terhadap perkembangan pendidikan di Sarawak semasa era pemerintahan Brooke banyak dipelopori oleh Ooi Keat Gin, khususnya melalui karya Dunia di Seberang Sungai: Pendidikan di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Brooke sehingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan serta artikel "*The Attitudes of Brooke towards Education in Sarawak, 1841–1941*". Penulisan ini memperlihatkan bahawa pendidikan dalam era Brooke bersifat kebajikan dan praktikal, bertujuan meningkatkan taraf kehidupan penduduk tempatan tanpa menjejaskan budaya serta tradisi masyarakat peribumi. Pendidikan vernakular Melayu, vernakular Cina dan pendidikan mubaligh berbahasa Inggeris berkembang secara terhad dan tidak dirancang secara sistematik oleh pihak pemerintahan. Walaupun pendidikan diakui sebagai alat pembaikan sosial, tumpuan utama lebih diberikan kepada pendidikan peringkat rendah, manakala pendidikan golongan dewasa tidak dibangunkan sebagai agenda khusus.

Peranan pendidikan mubaligh dalam era Brooke turut dibincangkan oleh Ooi Keat Gin melalui artikel "*Mission Education in Sarawak During the Period of Brooke Rule, 1840–1946*". Penulisan ini menegaskan bahawa pembangunan pendidikan, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman banyak diserahkan kepada golongan mubaligh dengan penglibatan minimum pihak pemerintahan Brooke. Walaupun kebajikan penduduk tempatan dan keharmonian agama tetap dipelihara melalui kawalan terhadap aktiviti penyebaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Islam, perkembangan pendidikan berlaku secara perlahan akibat kekangan geografi dan sikap konservatif sebahagian penduduk tempatan. Pendidikan dalam tempoh ini juga tertumpu kepada kanak-kanak dan remaja, manakala pendidikan golongan dewasa tidak diberikan perhatian yang sistematik.

Pendekatan pendidikan yang lebih tersusun dapat diperhatikan semasa era pentadbiran kolonial British, sebagaimana dibincangkan dalam "*Education in Sarawak During the Period of Colonial Administration, 1946–1963*". Penulisan ini menunjukkan bahawa pendidikan dijadikan instrumen pentadbiran dan politik kolonial bagi mempersiapkan Sarawak ke arah berkerajaan sendiri. Penekanan diberikan kepada pembinaan institusi pendidikan dan pengembangan sistem pendidikan formal, termasuk penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 1948 yang melibatkan penduduk tempatan dalam pengurusan pendidikan peringkat rendah. Namun demikian, perbincangan masih tertumpu kepada pendidikan formal di peringkat rendah dan menengah, manakala pendidikan golongan dewasa tidak diberikan penekanan yang jelas.

Sementara itu, kajian Syed Idrus dan Santhiram (1990) melalui Perkembangan Pendidikan di Sarawak menelusuri pembangunan pendidikan formal secara menyeluruh merangkumi era kolonial dan awal pascakemerdekaan sehingga tahun 1968. Penulisan ini memperlihatkan usaha berterusan kerajaan dalam memperluas akses pendidikan melalui pembinaan sekolah rendah dan menengah serta penubuhan pusat-pusat latihan perguruan, dengan sokongan pihak luar seperti Rancangan Colombo. Walaupun pendidikan dilihat sebagai pemangkin pembangunan sosial, perbincangan kajian ini kekal berfokus kepada sistem pendidikan formal dan latihan perguruan, manakala pendidikan golongan dewasa hanya disentuh secara tidak langsung.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada pendidikan formal, dasar pendidikan dan pentadbiran pendidikan dalam era pemerintahan Brooke dan kolonial British. Pendidikan golongan dewasa sering kali dianggap sebagai komponen sampingan dan tidak dibincangkan secara mendalam. Kekurangan penelitian khusus terhadap pendidikan dewasa ini mewujudkan jurang kajian yang ketara, terutamanya dalam konteks pascaperang dan awal pembentukan Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti pemeraksanaan pendidikan golongan dewasa di Sarawak antara tahun 1946 hingga 1970, selaras dengan perubahan sosial, keperluan pembangunan dan aspirasi masyarakat tempatan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam membuat penelitian mengenai usaha memperkasakan pendidikan golongan dewasa di Sarawak dari tahun 1946 hingga 1970. Data dikumpul melalui kajian kepustakaan dan kajian arkib yang melibatkan sumber primer dan sekunder. Kajian kepustakaan merujuk kepada bahan seperti buku, surat, fail, gambar dan dokumen bertulis serta memberikan makna kepada tulisan

tersebut (Sivachandralingam Sundara Raja et al., 2016). Sumber primer yang digunakan terdiri daripada laporan tahunan Jabatan Pendidikan Sarawak, dokumen rasmi kerajaan kolonial, surat khabar tempatan seperti *Sarawak Gazette*, *The Sarawak Tribune* dan surat-menyurat serta pekeliling pendidikan yang relevan. Manakala bahan sekunder pula merangkumi buku, jurnal ilmiah, tesis yang berkaitan dengan pendidikan dewasa dan dasar kolonial.

Data yang dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik sejarah, dengan memberikan tumpuan kepada tema seperti dasar pendidikan, pelaksanaan kelas dewasa dan kesan terhadap masyarakat tempatan. Pemilihan data itu berdasarkan kerelevanan isi, kebolehpercayaan sumber dan konteks sejarah yang utuh. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berasaskan sejarah yang disokong oleh pendekatan kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Reka bentuk ini sesuai bagi meneliti perkembangan dan pemerkasaan pendidikan golongan dewasa dalam konteks sejarah tertentu, khususnya antara tahun 1946 hingga 1970, melalui penelitian sistematik terhadap sumber primer dan sekunder yang relevan. Dalam memantapkan kajian ini pendekatan analisis dokumen dengan memberi penekanan kepada sumber primer dan sumber sekunder. Pendekatan ini bertujuan menilai dan mentafsir kandungan dokumen bertulis berkaitan pendidikan dewasa. Walau bagaimanapun, kajian ini menghadapi beberapa kekangan iaitu kesukaran mendapatkan sumber arkib yang lengkap dan ketidakseimbangan dokumentasi antara kawasan bandar dengan luar bandar.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Latar belakang pendidikan golongan dewasa

Sebelum era kolonial, pendidikan di Sarawak lebih bersifat tidak formal dan terhad kepada pembelajaran melalui pengalaman dan adat resam yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi yang lain. Pendidikan semasa era Brooke diperluas oleh golongan mubaligh yang dimulai oleh mubaligh Anglikan. Kedatangan McDougall, mubaligh Anglikan pada tahun 1848 menjadi titik tolak kepada permulaan pendidikan formal di Sarawak (Max Saint, 1992). Pendidikan dalam kalangan masyarakat peribumi seperti Iban, Melanau dan Bidayuh, banyak berpusat pada kemahiran hidup seperti pertanian, perikanan, dan pertukangan, yang diajarkan dalam lingkungan keluarga dan komuniti. Di samping itu, institusi keagamaan seperti madrasah memainkan peranan penting dalam menyebarkan pendidikan Islam kepada masyarakat Melayu dan Melanau Muslim (Sabihah Osman, 1990).

Walaupun bagaimanapun, tiada sistem pendidikan formal yang menyeluruh untuk golongan dewasa, terutama dalam aspek literasi dan numerasi. Keperluan pendidikan dewasa semakin ketara apabila Sarawak berada di bawah pemerintahan kolonial British, malah ekonomi mulai berkembang, terutamanya dalam sektor perdagangan, pentadbiran dan perladangan. Perubahan ini memerlukan tenaga kerja yang celik huruf dan mempunyai kemahiran asas seperti membaca, menulis, dan mengira bagi memenuhi keperluan pekerjaan dalam sistem pentadbiran kolonial. Selain itu, kesedaran tentang kepentingan pendidikan semakin meningkat dalam kalangan masyarakat tempatan apabila mereka menyedari bahawa pendidikan boleh membuka peluang kepada mobiliti sosial dan ekonomi yang lebih baik. Golongan mubaligh Kristian turut memainkan peranan dalam memperkenalkan kelas pendidikan dewasa, terutamanya kepada komuniti luar bandar bagi membolehkan mereka memahami ajaran agama dan meningkatkan taraf hidup. Oleh itu, keperluan pendidikan dewasa menjadi satu keutamaan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup dan membangunkan masyarakat Sarawak semasa era kolonial.

Semasa era kolonial British di Sarawak, pendidikan dewasa diperkenalkan sebagai sebahagian daripada strategi pentadbiran untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang berkemahiran dalam sektor ekonomi dan birokrasi kolonial. Menyedari hakikat bahawa sebahagian besar penduduk tempatan, khususnya golongan Bumiputera tidak mempunyai pendidikan formal, pihak kolonial mula memperkenalkan dasar-dasar yang memberikan tumpuan kepada peningkatan literasi dan kemahiran asas. Kelas-kelas pendidikan dewasa, seperti sekolah malam dan kursus jangka pendek telah diperkenalkan bagi membolehkan individu yang bekerja pada siang hari mendapatkan pendidikan pada waktu malam. Antara subjek utama yang diajarkan

termasuk membaca, menulis, mengira, dan kemahiran teknikal asas yang diperlukan dalam sektor pentadbiran kerajaan dan perindustrian.

Contoh teknikal asas yang dilaksanakan dalam kelas waktu malam seperti kemahiran trengkas dan “shorthand” (A Guide to Education in Sarawak, 1961 & Sarawak for the year 1947, 1949). Kemahiran tersebut amat diguna pakai dalam bidang perkeranian. Walau bagaimanapun, matlamat utama pendidikan dewasa dari perspektif kolonial bukanlah semata-mata untuk meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan, tetapi ia lebih kepada memastikan mereka dapat berfungsi sebagai tenaga kerja yang cekap dan produktif dalam sistem ekonomi yang dikawal oleh British. Selain itu, pendidikan dewasa juga berfungsi sebagai alat penyebaran nilai dan pemikiran kolonial bagi memastikan kesetiaan masyarakat tempatan terhadap pentadbiran British. Walaupun usaha ini membawa sedikit perubahan dalam tahap pendidikan golongan dewasa, namun akses kepada pendidikan masih terhad, dengan keutamaan diberikan kepada kumpulan tertentu seperti penjawat awam dan pekerja dalam sektor ekonomi penting. Hal ini menunjukkan bahawa polisi pendidikan dewasa British lebih bersifat utilitarian, iaitu menekankan kepentingan ekonomi dan politik kolonial berbanding dengan pembangunan holistik masyarakat tempatan.

Pasca pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, kerajaan persekutuan dan negeri mula memberikan perhatian yang lebih besar terhadap pembangunan pendidikan, termasuk pendidikan dewasa. Sebelum ini, usaha pendidikan dewasa di Sarawak dijalankan secara terhad di bawah pentadbiran kolonial British dengan tumpuan kepada literasi asas dan latihan kemahiran dalam sektor tertentu. Namun begitu, selepas pembentukan Malaysia, sistem pendidikan dewasa mula diperluas dan distrukturkan dengan lebih sistematik sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan negara bagi mengatasi masalah buta huruf dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan. Pendidikan dewasa pada era pascakolonial di Sarawak berdepan dengan cabaran besar kerana kadar celik huruf yang masih rendah, terutama dalam kalangan masyarakat luar bandar dan pedalaman. Kebanyakan penduduk dewasa tidak mempunyai peluang untuk menerima pendidikan formal ketika zaman penjajahan disebabkan oleh kekangan ekonomi, geografi, dan dasar pendidikan yang tidak menyeluruh. Oleh itu, kerajaan Malaysia mengambil langkah proaktif untuk memperkenalkan pelbagai program pendidikan dewasa dengan matlamat utama membasmi buta huruf, meningkatkan kemahiran tenaga kerja, dan memperkasa taraf sosioekonomi masyarakat Sarawak.

Polisi dan dasar kolonial British dalam pemerkasaan pendidikan dewasa di Sarawak bertujuan untuk meningkatkan kadar literasi dan menyediakan tenaga kerja yang lebih terlatih bagi menyokong pentadbiran kolonial dan pembangunan ekonomi tempatan. Walaupun pendidikan dewasa bukan keutamaan British, namun ia tetap dilaksanakan sebagai langkah untuk mengurangkan kadar buta huruf khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar dan Bumiputera. Pendidikan dewasa dilihat sebagai satu keperluan bagi memastikan masyarakat tempatan mempunyai kemahiran asas dalam membaca, menulis, dan mengira (3M), sekali gus membolehkan mereka menyertai sektor ekonomi yang lebih formal. Oleh itu, beberapa dasar utama diperkenalkan, termasuk penubuhan kelas malam dan sekolah dewasa, pelaksanaan pendidikan fungsional, peranan mubaligh Kristian, dan penggunaan media dalam usaha meningkatkan kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat dewasa. Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, kerajaan persekutuan dan negeri mula memberikan tumpuan yang lebih serius kepada pendidikan dewasa di Sarawak sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan negara. Pendidikan dewasa menjadi keutamaan dalam usaha membasmi buta huruf, meningkatkan kemahiran tenaga kerja, dan memperkasa masyarakat luar bandar dan pedalaman. Polisi dan dasar yang diperkenalkan itu menekankan pembelajaran sepanjang hayat, pendidikan vokasional, dan penggunaan teknologi dalam pengajaran.


Pemerkasaan pendidikan dewasa: usaha dan inisiatif

Usaha memperkasakan pendidikan dewasa di Sarawak antara tahun 1946 hingga 1970 banyak dipengaruhi oleh dasar kolonial British dan inisiatif tempatan yang bertujuan untuk meningkatkan kadar literasi dan taraf hidup rakyat, khususnya dalam kalangan Bumiputera. Pendidikan dewasa menjadi keutamaan kerana ramai penduduk, terutama di kawasan luar bandar, masih buta huruf dan tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan formal semasa usia muda. Oleh itu, pelbagai program telah diperkenalkan bagi memastikan masyarakat dewasa memperoleh ilmu asas yang diperlukan untuk menjalani kehidupan yang lebih baik.

Salah satu usaha utama dalam memperkasakan pendidikan dewasa adalah melalui penubuhan sekolah malam dan kelas dewasa. Pelaksanaannya bermula pada era kolonial British dan berlanjutan ke zaman pascakolonial. Tujuannya untuk memberikan peluang kepada penjawat awam meningkatkan kemahiran, seperti penguasaan bahasa, trengkas, dan *shorthand*. Sebagai contoh, pada tahun 1947, beberapa sekolah Cina, sekolah kerajaan, dan sekolah mubaligh telah mengadakan kelas malam bagi membantu golongan dewasa mencapai celik huruf dalam bahasa ibunda, bahasa Inggeris, dan asas aritmetik (Annual Report on Sarawak for the year 1947). Kerajaan kolonial British memperkenalkan program ini untuk membantu golongan pekerja dan penduduk luar bandar menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira. Sekolah malam ditubuhkan terutamanya di kawasan bandar utama bagi membolehkan golongan dewasa yang bekerja pada waktu siang mendapatkan pendidikan asas. Sebagai contoh, kelas malam yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan di Kuching mendapat sambutan menggalakkan, terutamanya dalam kalangan kakitangan kerajaan yang belum memiliki kelayakan untuk dilantik sebagai pegawai tetap dalam perkhidmatan awam (*The Sarawak Gazette*, 2 January 1948). Pelaksanaan kelas malam pada peringkat awal menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Pada tahun 1947, kelas malam yang dijalankan tersebut berjaya mencapai sasaran apabila seramai 32 orang pelajar memenuhi piawaian kelayakan perjawatan. Jumlah ini meningkat kepada 46 orang pelajar pada tahun berikutnya, ia menunjukkan perkembangan yang positif dalam program berkenaan (CO938/5/6, 1947 & Annual Report on Sarawak for the year 1948). Dengan adanya program ini, ramai penduduk dewasa berpeluang untuk belajar dan meningkatkan tahap literasi mereka, walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan.

Di samping itu, kerajaan juga melaksanakan program literasi dan pendidikan fungsional. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan masyarakat luar bandar melalui pengajaran asas membaca dan menulis. Pelaksanaan program literasi dewasa sebenarnya telah bermula sejak era kolonial British. Sebagai contoh, pada tahun 1950, program literasi telah dijalankan di Sungai Paku, Bahagian Kedua, khususnya di kawasan penempatan masyarakat Iban (CO 1030/1081). Pada peringkat awal pelaksanaannya, program ini hanya berjaya melahirkan sebilangan kecil penduduk yang celik huruf di kawasan berkenaan. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk kurangnya minat dalam kalangan golongan dewasa dan adanya persaingan antara puak di kawasan tersebut. Tambahan pula, keterbatasan masa akibat komitmen terhadap aktiviti pertanian dalam kalangan masyarakat Iban turut menyumbang kepada cabaran ini (CO 938/6/2). Namun demikian, pihak kerajaan tetap meneruskan usaha memperluas program tersebut ke beberapa kawasan luar bandar yang lain, antaranya termasuk Batang Lupar, Muara Tuang dan Semera. Program ini turut dilaksanakan dalam kalangan masyarakat Melayu selain kaum Iban dan Bidayuh (Annual Report on Sarawak for the year 1950, Annual Report on Sarawak for the year 1951 & Sarawak Annual Report 1954).

Sementara itu, pendidikan fungsional memberikan tumpuan kepada penguasaan kemahiran praktikal untuk keperluan harian, termasuk dalam bidang pertanian, pertukangan, dan perusahaan kecil. Pelaksanaan program ini dijalankan melalui inisiatif komuniti dan kelas-kelas dewasa. Sebagai contoh, pihak pentadbiran British telah menubuhkan Rural Improvement School di Kanowit pada tahun 1948 (CO 938/2/3, CO 1030/1081 & Annual Report on Sarawak for the year 1948). Sekolah ini menyediakan peluang kepada pasangan Iban dari Bahagian Ketiga untuk mengikuti program latihan selama dua tahun. Melalui kursus tersebut, peserta mempelajari kemahiran asas termasuk literasi dalam bahasa ibunda, aritmetik, pengetahuan praktikal merangkumi bidang pertanian, penternakan, masakan, penjagaan kesihatan, dan pengurusan kebajikan kanak-kanak (Annual Report on Sarawak for the year 1948 & *The Straits Times*, 4 September 1950). Tumpuan diberikan kepada kegiatan pertanian disebabkan kepentingannya sebagai kegiatan ekonomi utama yang menyara hidup majoriti penduduk. Menurut Lyndon, et al (2017), kegiatan pertanian seperti penanaman padi merupakan kegiatan utama dalam kegiatan seharian terutamanya kaum Iban di Sarawak. Program ini berperanan untuk membantu golongan dewasa meningkatkan taraf kehidupan melalui pemerolehan kemahiran yang selaras dengan keperluan sosioekonomi masyarakat setempat. Usaha pembangunan pusat pendidikan dewasa ini merupakan inisiatif yang baik. Namun begitu, kekurangan tenaga pengajar dan kakitangan menyebabkan pusat tersebut terpaksa ditutup setelah beroperasi selama sepuluh tahun.



Gambar 1, Buku yang digunakan dalam Program Literasi
Sumber: CO 938/6/2 Education Department Mass Education, (1951)

Mubaligh Kristian dan organisasi sukarela turut menyumbang secara signifikan dalam memajukan pendidikan dewasa di Sarawak. Mubaligh dari Gereja Roman Katolik dan Anglikan secara aktif menyediakan pendidikan asas kepada penduduk luar bandar melalui sekolah mubaligh dan kelas dewasa. Pembinaan sekolah oleh badan-badan mubaligh, terutamanya di kawasan luar bandar telah membuka peluang kepada golongan dewasa untuk memahami kepentingan pendidikan. Selain penubuhan sekolah, para mubaligh juga melaksanakan program literasi di kawasan luar bandar. Sementara itu, organisasi sukarela seperti Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap mengendalikan pelbagai aktiviti pendidikan bukan formal yang bertujuan untuk membentuk nilai disiplin, kepimpinan, dan kemahiran asas dalam kalangan dewasa dan belia. Di samping itu, institusi seperti British Council turut menyediakan kemudahan pendidikan untuk melengkapkan usaha-usaha tersebut (*The Straits Times*, 22 August 1949).

Kemudahan pendidikan yang disediakan itu termasuklah bahan bacaan untuk kegunaan di perpustakaan sekolah mahupun awam. British Council memainkan peranan penting dalam pembangunan infrastruktur perpustakaan di kawasan luar bandar (Sarawak Annual Report 1957). British Council mula menubuhkan perpustakaan tempatan sejak tahun 1950 dengan koleksi bahan bacaan yang sentiasa ditambah dan diperkaya. Pada akhirnya, pentadbiran Perpustakaan Sarawak telah diserahkan kepada Jabatan Pendidikan (CO 802/15). Sementara itu, British Council terus menyumbang bahan bacaan kepada perpustakaan-perpustakaan di Sarawak. Selain itu, pihak British Council juga melaksanakan program pengukuhan bahasa Inggeris untuk guru-guru. Sebagai contoh, pada tahun 1962, kursus latihan guru bahasa Inggeris telah diadakan di Sibul, Sarawak hasil kerjasama dengan Encik David Hicks, seorang pakar linguistik dari British Council Malaya (Sarawak Report for the year 1962). Kursus ini merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan pendidik tempatan.

Pentadbiran kolonial British juga menubuhkan pusat latihan vokasional untuk membolehkan golongan dewasa dan belia memperoleh kemahiran dalam bidang pertukangan, pertanian, dan perkhidmatan. Program latihan ini dijalankan di institusi khusus seperti sekolah pertanian dan pusat latihan guru. Kerjasama strategik dengan pelbagai jabatan kerajaan turut dilaksanakan bagi melahirkan tenaga kerja mahir di Sarawak. Antara jabatan yang terlibat termasuk Jabatan Pertanian, Pembangunan Koperasi, Jabatan Pendidikan, dan Jabatan Perubatan (Sarawak Annual Report 1953). Pelbagai jabatan kerajaan telah menjalankan kerjasama strategik dalam melaksanakan program literasi yang fokus utamanya di kawasan luar bandar. Sebagai contoh kajian kes pada tahun 1953, Jabatan Pendidikan telah menggerakkan misi pendidikan ke Muara Tuang dengan menghantar tenaga pengajar yang menggunakan metodologi Laubach. Kejayaan pelaksanaan program ini

turut dipengaruhi oleh penggunaan pelbagai bahan bantu mengajar termasuk bahan bacaan dan peralatan teknologi pendidikan awal seperti projektor filem (CO 1030/1081).

Muara Tuang, sebagai sebuah komuniti Melayu tradisional, menunjukkan respons yang positif terhadap program literasi kolaboratif yang dilaksanakan itu bersama dengan Jabatan Pendidikan. Data enrolmen tahun 1953 mencatatkan bahawa penyertaan seramai 205 orang peserta, dengan penyertaan golongan lelaki dewasa (Sarawak Annual Report 1953). Selain itu, golongan dewasa turut diberikan akses kepada program latihan vokasional yang berfokus kepada pengembangan kemahiran praktikal. Beberapa institusi latihan teknikal dan vokasional telah ditubuhkan semasa era kolonial British dan terus beroperasi dalam tempoh pascakemerdekaan Malaysia. Berdasarkan pandangan Nurain et al. (2024), UNESCO menegaskan bahawa pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) merupakan elemen penting dalam sistem pendidikan kerana ia bukan sahaja melibatkan penguasaan sains dan teknologi, tetapi turut menekankan latihan kemahiran praktikal dan pendidikan umum. Beberapa buah pusat latihan ditubuhkan untuk membolehkan golongan dewasa menyertai program pembangunan kemahiran. Salah satu contoh utama ialah Stesen Latihan Jabatan Pertanian di Batu 34, Jalan Kuching-Serian, Tarat, yang berfungsi sebagai pusat latihan kemahiran pertanian (Sarawak Annual Report 1957). Ia semakin aktif dijadikan sebagai pusat latihan apabila aktiviti pertanian dijalankan di Pusat Pertanian Tarat.

Selain itu, pembukaan pusat latihan perguruan juga dilakukan semasa pemerintahan British dan pasca-Malaysia. Semasa pemerintahan British, terdapat dua pusat latihan perguruan iaitu Pusat Latihan Perguruan Batu Lintang dan Pusat Latihan Perguruan Sarawak, manakala selepas pembentukan memperlihatkan sebuah pusat latihan perguruan ditubuhkan. Pusat latihan perguruan tersebut ditubuhkan bagi melahirkan lebih ramai guru di Sarawak. Keperluan guru amat terdesak kerana pembukaan lebih banyak sekolah rendah dan menengah. Tindakan ini memberikan ruang melahirkan tenaga kerja dalam kalangan penduduk Sarawak sendiri. Melalui inisiatif ini juga, lebih ramai penduduk dewasa memperoleh peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan. Sebahagian golongan dewasa di Sarawak berkesempatan mengikuti program latihan kepakaran di institusi luar negara untuk tempoh masa tertentu melalui skim biasiswa yang ditawarkan. Mekanisme ini khususnya diperuntukkan bagi kakitangan sektor awam Sarawak, dengan sumber pembiayaan yang pelbagai termasuk Biasiswa Kerajaan Negeri Sarawak, Program Rancangan Colombo dan Biasiswa Kerajaan Persekutuan.

Di samping itu, kerajaan turut melaksanakan kempen kesedaran dan menggalakkan penyertaan komuniti dalam pendidikan dewasa. Pembangunan komuniti merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan taraf hidup melalui penglibatan aktif penduduk Sarawak. Pelbagai skim dan program telah diperkenalkan di kawasan luar bandar, antaranya Skim Budu di daerah Kalaka, Skim Entabai di Bahagian Ketiga, Skim Padawan di hulu Bahagian Pertama, Skim Lubok Antu, Skim Sekolah Long Lama dan Skim Pengajar Kraf Rumah Luar Bandar (CO 1030/1081). Program yang dilaksanakan di bawah skim ini mendedahkan penduduk setempat kepada kemahiran teknikal dan amalan pertanian yang lebih moden. Melalui program ini, penduduk berpeluang untuk mempelajari teknik baharu bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Pelaksanaan program ini turut melibatkan kerjasama pegawai dari pelbagai jabatan, termasuk pengajar pertukangan, doktor, dan jururawat dari Jabatan Kesihatan dan pegawai pertanian dari Jabatan Pertanian (Sarawak Annual Report 1957). Program komuniti yang dilaksanakan itu bukan sekadar memberikan pendidikan kemahiran, malah melengkapi kawasan tersebut dengan infrastruktur asas. Penduduk setempat bekerjasama dalam menyediakan kemudahan yang diperlukan, termasuk pembinaan bangunan sekolah, dispensari, bengkel pertukangan dan asrama (Community Development Communique: Padawan Development Scheme Logbook, 1956-1960). Masyarakat tempatan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam usaha pendidikan dengan menyediakan tenaga pengajar tempatan dan menyumbang dalam pembangunan kemudahan pembelajaran.

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, kerajaan negeri Sarawak mula memberikan perhatian lebih kepada pendidikan dewasa sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan pascakemerdekaan. Usaha ini tetap diteruskan bagi memastikan bilangan celik huruf dalam kalangan penduduk Sarawak semakin bertambah. Kelas dewasa dilaksanakan dengan giat terutamanya di kawasan luar bandar dengan ada kerjasama dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Annual Report of Education Department Sarawak for 1966). Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan sebanyak \$13 juta dalam memastikan pembukaan

kelas dewasa dapat dilaksanakan dengan jayanya di kawasan luar bandar di Sarawak termasuk Sabah (*The Straits Times*, 23 December 1964). Bermula pertengahan tahun 1965, pembukaan pusat pendidikan dewasa banyak dilakukan di kawasan luar bandar. Pembukaan pusat tersebut bertujuan untuk mengurangkan bilangan buta huruf dalam kalangan masyarakat luar bandar. Apabila masyarakat luar bandar celik huruf, sekurang-kurangnya mereka dapat memahami maklumat yang disampaikan oleh pihak kerajaan dengan baik. Sejak dua bulan awal pelaksanaan program ini, sebanyak 27 buah pusat pendidikan dewasa dibuka (*Sarawak by the Week*, 7 Mac till 15 May 1965).

Selain itu, pelaksanaan kelas bagi pengajian bahasa Melayu turut dilaksanakan selepas pembentukan Malaysia. Walaupun kerajaan Sarawak masih mengekalkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama, namun bahasa Melayu tidak diabaikan. Hal ini disebabkan Sarawak menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan (Federal Constitution, 2018). Kelas pengajian bahasa banyak dijalankan terutamanya di kawasan-kawasan di Sarawak. Selain dijalankan di pusat-pusat luar khusus untuk orang awam, kursus bahasa juga dilaksanakan sebagai latihan bagi guru di Sarawak. Contohnya pada tahun 1965, seramai 30 orang guru mengikuti kursus bahasa Melayu selama satu tahun di Madrasah Melayu, Kuching yang dikendalikan Enche Abu Hassan bin Ali, pegawai dari Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur (*Sarawak by the Week*, 17 January till 23 January 1965). Selain itu, program kursus tersebut telah diperluas ke pusat-pusat latihan perguruan di seluruh Sarawak. Pelaksanaan kursus bahasa Melayu ini merupakan respons terhadap kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran dalam pengajaran bahasa Melayu, khususnya di peringkat pendidikan sekolah. Sementara itu, bagi populasi dewasa awam, program ini bertujuan untuk meningkatkan literasi bahasa tambahan selain penguasaan bahasa Inggeris.

Kesan pendidikan dewasa terhadap masyarakat sarawak

Pendidikan dewasa di Sarawak selepas pembentukan Malaysia telah memberikan impak yang besar kepada masyarakat Sarawak dari pelbagai aspek. Melalui pendidikan dewasa, kita dapat melihat peningkatan kadar literasi, pembangunan ekonomi, dan pemerikasaan sosial. Pelaksanaan pelbagai program pendidikan dewasa telah membolehkan masyarakat meningkatkan keupayaan intelektual, menguasai kemahiran pekerjaan, dan memperkukuh kesedaran sivik. Salah satu kesan utama pendidikan dewasa ialah peningkatan kadar literasi dalam kalangan penduduk dewasa, terutamanya di kawasan luar bandar dan di pedalaman. Pada tahun 1947, seramai 65,306 orang penduduk di Sarawak sudah tahu menulis dan membaca, bahasa yang mudah (Noakes, 1962). Pelaksanaan program kelas dewasa telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 53 peratus bilangan celik huruf di Sarawak. Pada tahun 1960, bilangan celik huruf sebanyak 124,420 orang penduduk (CO 947/7). Dengan adanya program pembasmian buta huruf yang dilaksanakan oleh kerajaan, ramai individu kini telah berjaya menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M). Situasi ini memudahkan mereka berinteraksi dengan maklumat bertulis, memahami dokumen rasmi, dan mengikuti perkembangan semasa melalui media cetak dan elektronik. Selain itu, peningkatan literasi juga menyumbang kepada kesedaran tentang hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. Secara tidak langsung, peningkatan literasi ini memperkukuh sistem demokrasi di Sarawak kerana lahirnya masyarakat yang lebih berpengetahuan dan aktif.

Di samping itu, pendidikan dewasa juga memberikan kesan yang ketara terhadap pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup masyarakat. Melalui program latihan vokasional dan kemahiran, penduduk dewasa berpeluang untuk menguasai bidang seperti pertanian moden, keusahawanan, perniagaan kecil, dan kemahiran teknikal. Contohnya, semasa pembukaan Rural Improvement School di Kanowit pada tahun 1948, ia mendedahkan pengajaran kaedah pertanian dan penternakan yang baik (CO 938/2/3). Pasangan suami isteri yang telah selesai latihan kembali semula ke kampung sendiri. Mereka mempraktikkan kemahiran yang dipelajari selama dua tahun. Contohnya pada tahun 1952, terdapat peserta yang selesai menjalani latihan mula melaksanakan pengetahuan mereka di rumah semasa musim padi dan beberapa orang peserta lagi terlibat dalam skim penanaman padi di Bahagian Kedua (Annual Report on Sarawak 1952). Seterusnya, ia dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja, membuka peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik atau memulakan perniagaan sendiri. Akibatnya, ramai individu yang sebelum ini bergantung

kepada sektor tidak formal kini mampu meningkatkan pendapatan mereka, sekali gus mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar Sarawak. Dari segi sosial, pendidikan dewasa telah memainkan peranan penting dalam pemerkasaan masyarakat, terutamanya bagi wanita dan golongan kurang berkemampuan. Dengan akses kepada pendidikan, wanita dapat memperluas pengetahuan dan kemahiran mereka. Hal ini menjadikan mereka lebih berdikari dan aktif dalam menyumbang kepada pembangunan keluarga dan komuniti. Pengajaran yang dipelajari melalui sains rumah tangga dan beberapa ilmu berkaitan dengan kraf tangan membantu dalam pembangunan sosial. Wanita yang berpendidikan juga lebih cenderung untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi, membuat keputusan yang lebih baik mengenai kesihatan dan pendidikan anak-anak, serta menyumbang kepada kesejahteraan sosial secara keseluruhan.

Pendidikan dewasa memainkan peranan yang sangat penting dalam mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Dahulu, masyarakat luar bandar di Sarawak sering ketinggalan dalam aspek pendidikan dan kemahiran berbanding dengan penduduk bandar. Namun demikian, dengan adanya program pendidikan dewasa, mereka kini mempunyai peluang untuk menambah ilmu dan meningkatkan daya saing mereka. Secara langsung, ia mengurangkan perbezaan dalam taraf hidup antara kedua-dua kawasan dan membolehkan penduduk luar bandar turut menyumbang kepada pembangunan negeri. Selain itu, pendidikan dewasa juga memberikan impak positif terhadap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Mereka yang mendapat pendidikan lebih cenderung untuk mengamalkan gaya hidup sihat, memahami pentingnya kebersihan, dan mengambil langkah pencegahan terhadap penyakit. Dengan meningkatnya kesedaran tentang pemakanan yang sihat dan kepentingan penjagaan kesihatan, kita dapat lihat berlaku penurunan dalam kadar penyakit yang berkaitan dengan kekurangan pengetahuan, seperti malnutrisi dan jangkitan penyakit berjangkit.

Dapatan kajian ini mengukuhkan pemerhatian sarjana terdahulu bahawa pendidikan di Sarawak semasa era Brooke dan kolonial British berkembang secara tidak seimbang serta lebih tertumpu kepada keperluan pentadbiran dan pembentukan institusi pendidikan formal. Seperti yang diujahkan oleh (Sabihah Osman et al.,), pendidikan sering berfungsi sebagai instrumen pembangunan sosial dan pentadbiran, manakala akses yang terbatas terutamanya di luar bandar mengekalkan jurang literasi dalam kalangan masyarakat tempatan. Dalam kerangka tersebut, pengenalan kelas malam, program literasi dan kursus kemahiran dalam kajian ini dapat difahami sebagai kesinambungan strategi pendidikan yang mempunyai tujuan tertentu. Antara tujuannya adalah penyediaan sumber tenaga asas dan memperluas keupayaan sosial minimum bagi memenuhi tuntutan ekonomi serta birokrasi.

Tambahan daripada itu kajian ini turut memperhalus dapatan terdahulu yang cenderung menempatkan pendidikan dewasa sebagai komponen sampingan dalam naratif sejarah pendidikan Sarawak. Berbeza dengan penulisan yang lebih memusatkan pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah, bahan arkib yang dianalisis menunjukkan kewujudan program pendidikan dewasa yang lebih pelbagai yang merangkumi kelas malam. Kelas ini menekankan kemahiran trengkas dan *shorthand*, literasi fungsional luar bandar serta latihan vokasional dan pembangunan komuniti yang dilaksanakan secara berperingkat dari 1946 hingga 1970. Selain itu, perbandingan antara era kolonial dan pasca-1963 memperlihatkan perubahan rasional dasar: jika pada era kolonial pendidikan dewasa lebih utilitarian dan selektif yang berkait keperluan perkeranian dan pentadbiran, pasca pembentukan Malaysia menunjukkan peluasan yang lebih sistematik dengan penglibatan kementerian dan peruntukan kewangan bagi pembasmian buta huruf di luar bandar.

Justeru, sumbangan utama kajian ini ialah menampilkan pendidikan dewasa sebagai mekanisme pemerkasaan sosial yang wujud dalam bentuk program literasi, latihan kemahiran dan pembangunan komuniti bukan semata-mata sebagai pelengkap kepada pendidikan formal. Secara historiografi, penemuan ini menunjukkan berlakunya transformasi sosial di Sarawak selepas perang yang tidak hanya digerakkan oleh peluasan sekolah formal, tetapi juga oleh pembelajaran dewasa yang membolehkan penyertaan ekonomi dan sosial yang lebih luas, khususnya dalam komuniti luar bandar. Dalam konteks semasa, dapatan ini turut menyokong penegasan bahawa pembelajaran sepanjang hayat berperanan sebagai asas pembangunan modal insan, sejajar dengan orientasi SDG yang dinyatakan dalam artikel.

Kesimpulan

Pendidikan golongan dewasa di Sarawak dari tahun 1946 hingga 1970 telah melalui pelbagai transformasi. Perubahan ini bermula dari era kolonial hingga selepas pembentukan Malaysia. Transformasi ini bermatlamat untuk meningkatkan kadar literasi, memperkukuh tenaga kerja dan memperbaiki taraf hidup masyarakat, khususnya di luar bandar. Pada zaman pemerintahan British, pendidikan dewasa lebih tertumpu kepada keperluan tenaga kerja dan literasi asas, namun akses yang terhad menyebabkan ramai penduduk terutamanya Bumiputera, masih buta huruf dan tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Selepas Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963, kerajaan mula memperkenalkan pelbagai dasar dan program seperti pembasmian buta huruf, pendidikan vokasional dan latihan kemahiran bagi memastikan pendidikan dewasa lebih inklusif dan menyeluruh. Walaupun usaha ini memberikan impak positif kepada masyarakat, namun pelaksanaannya berdepan dengan pelbagai cabaran seperti keadaan geografi yang mencabar, kekurangan tenaga pengajar terlatih, infrastruktur pendidikan yang tidak mencukupi, kekangan kewangan, dan tahap kesedaran yang masih rendah dalam kalangan penduduk luar bandar terhadap kepentingan pendidikan dewasa.

Namun begitu, kesan positif yang dicapai tidak dapat dinafikan, iaitu peningkatan kadar literasi telah membuka peluang pekerjaan yang lebih baik, menggalakkan keusahawanan, mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dengan luar bandar dan memperkasa wanita dalam masyarakat. Selain itu, pendidikan dewasa turut membantu dalam pemeliharaan budaya dan warisan tempatan, meningkatkan kesedaran politik dan sivik, dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan kesihatan masyarakat. Walaupun pelaksanaannya menghadapi pelbagai cabaran, namun pendidikan dewasa perlu terus diperkasakan sebagai elemen utama dalam pembangunan masyarakat Sarawak agar penduduknya dapat menyesuaikan diri dengan perubahan zaman, meningkatkan daya saing dan menyumbang secara aktif kepada kemajuan negeri dan negara secara menyeluruh. Implikasi kajian ini menegaskan bahawa pendidikan golongan dewasa tidak boleh dipisahkan daripada dasar pembangunan dan peranan aktif kerajaan. Hal ini boleh diperhatikan khususnya melalui kesinambungan dasar, sokongan institusi dan penglibatan komuniti tempatan. Pengalaman sejarah Sarawak dalam tempoh ini menunjukkan bahawa pendidikan dewasa berfungsi sebagai alat penting pembangunan modal insan dan penyertaan sosial. Pendekatan ini kekal signifikan dalam menyokong pembentukan masyarakat yang lebih menyeluruh dan berterusan.

Penghargaan: Penghargaan ditujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan Hadiah Latihan Persekutuan.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Colonial Office. (1947). *Development of "longhouse" school at Kanowit* (CO 938/2/3).
- Colonial Office. (1947). *Education reports* (CO 938/5/6).
- Colonial Office. (1949). *Annual report on Sarawak for the year 1947*. His Majesty's Stationery Office.
- Colonial Office. (1949). *Annual report on Sarawak for the year 1948*. His Majesty's Stationery Office.
- Colonial Office. (1951). *Annual report on Sarawak for the year 1950*. His Majesty's Stationery Office.
- Colonial Office. (1951). *Education Department: Mass education* (CO 938/6/2).
- Colonial Office. (1952). *Annual report on Sarawak for the year 1951*. His Majesty's Stationery Office.
- Colonial Office. (1956–1960). *Annual reports, Part I* (CO 802/14).
- Colonial Office. (1956–1960). *Annual reports, Part II* (CO 802/15).
- Colonial Office. (1959). *Annual reports* (CO 802/18).
- Colonial Office. (1960). *Annual reports* (CO 802/19).
- Colonial Office. (1961). *Annual reports* (CO 802/20).
- Colonial Office. (1962). *Annual reports* (CO 802/21).
- Colonial Office. (1962). *Draft approved report* (CO 947/7).
- Colonial Office. (1962). *Sarawak community development independent survey, 1960–1962* (CO 1030/1081).

- Colonial Office. (1963). *Annual reports* (CO 802/22).
- Colonial Office. (1964). *Annual reports* (CO 802/23).
- Community Development Department Sarawak. (1960). *Community development communiqué: Padawan Development Scheme logbook, 1956–1960*.
- Education Department Sarawak. (1967). *Annual report of the Education Department Sarawak for 1966–1967*. Government Printing.
- Education Department Sarawak. (1968). *Annual report of the Education Department Sarawak for 1967*. Government Printing.
- Education Department Sarawak. (1969). *Annual report of the Education Department Sarawak for 1968*. Government Printing.
- Education Department Sarawak. (1970). *Annual report of the Education Department for 1969*. Government Printing.
- Education Department Sarawak. (1971). *Penyata tahunan Jabatan Pelajaran Sarawak bagi tahun 1970*. Government Printing Office.
- Lyndon, N., Ragam, H. R., & Mohd Helmi Abd. Rahim. (2017). Peranan pendidikan terhadap mobiliti sosial komuniti Iban luar bandar di Daerah Kecil Spaoh, Sarawak: Satu kajian fenomenologi. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1–11. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22119>
- Noakes, J. L. (1950). *A report on the 1947 population census*. Government Printing Office.
- Nurfaain Anafi, & Arbaiyah Mohd Noor. (2024). Perkembangan pendidikan teknikal dan vokasional Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1968–2020. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.30>
- Ooi, K. G. (1990). Education in Sarawak during the period of colonial administration, 1946–1963. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 63(2), 35–68.
- Ooi, K. G. (1991). Mission education in Sarawak during the period of Brooke rule, 1840–1946. *Sarawak Museum Journal*, 42(63), 273–283.
- Ooi, K. G. (1997). The attitude of the Brookes towards education in Sarawak, 1841–1941. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 70(2), 53–67.
- Ooi, K. G. (2001). *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Porritt, V. L. (1997). *British colonial rule in Sarawak, 1946–1963*. Oxford University Press.
- Sabihah Osman. (1990). *Perkembangan pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841–1941*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saint, M. (1992). *Twenty years in Sarawak, 1848–1968: A flourish for the bishop and Brooke's friend Grant*. S. Abdul Majeed & Co.
- Sarawak by the Week. (1965, March 7–May 15).
- Sarawak by the Week. (1965, May 16–July 24).
- Sarawak Education Department. (1954). *Annual report for 1953*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1955). *Annual report for 1954*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1956). *Annual summary for 1955*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1957). *Annual summary for 1956*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1958). *Annual summary for 1957*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1959). *Annual summary for 1958*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1960). *Annual summary for 1959*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1961). *Annual summary for 1960*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1963). *Annual summary for 1962*. Government Printing Office.
- Sarawak Education Department. (1964). *Annual summary for 1963*. Government Printing Office.
- Sarawak Gazette. (1947–1970).
- Sarawak Government. (1954). *Sarawak annual report 1953*. Her Majesty's Stationery Office.
- Sarawak Government. (1955). *Sarawak annual report 1954*. Her Majesty's Stationery Office.

- Sarawak Government. (1958). *Sarawak annual report 1957*. Her Majesty's Stationery Office.
- Sarawak Government. (1963). *Sarawak report for the year 1962*. Her Majesty's Stationery Office.
- Sarawak Information Service. (1961). *A guide to education in Sarawak*.
- Saunders, G. (1992). *Bishops and Brookes: The Anglican mission and the Brooke Raj in Sarawak, 1848–1941*. Oxford University Press.
- Sivachanralingam Sundara Raja, Noraini Mohamed Hassan, & Chong Wu Ling. (2016). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Idrus Syed Ahmad, & Santhiram, R. (1990). *Perkembangan pendidikan di Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Straits Times. (1949, August 22).
- The Straits Times. (1950, September 4).
- The Straits Times. (1964, December 23).